

**Kemahiran Pencetus Inovasi Di ICE' 12  
Bernama  
28 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, March 28 (Bernama) -- Institut Latihan Perindustrian Kuala Langat Selangor (ILPKLS) dalam usahanya mendedahkan hasil produk, kreativiti dan inovasi pelajar dan pensyarahnya telah mengadakan pameran inovasi dan kreativiti 2012 di institusi itu selama dua hari sejak semalam.

Timbalan Pengarah ILPKLS dan Pengerusi ICE' 12 Muhammad Ammar Kamilin berkata program yang diadakan buat kali kedua itu juga bertujuan memupuk budaya kreativiti dan inovasi di kalangan pelajar dan pensyarah, serta mencungkil bakat dan minat warga institusi di bawah kelolaan Jabatan Tenaga Manusia (JTM) itu dalam bidang kemahiran dan rekacipta.

Pameran yang bertemakan "Kemahiran Pencetus Inovasi" turut mempamerkan hasil karya pelajar tahun akhir institusi itu dari jurusan teknologi perisian multimedia, teknologi perisian pengaturcaraan, teknologi komputer rangkaian dan lain-lain, katanya semasa merasmikan pameran itu di sini ini hari ini.

"Diharapkan program ini sekaligus dapat meningkatkan kesedaran kepada pengunjung bahawa kemahiran yang dimiliki oleh para pelajar ILPKLS setanding institusi pengajian lain dan dapat memenuhi kehendak industri dan pasaran kerja," katanya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655542>